

PRESS – ONLINE

Publication	MalaysiaGazette.com	Day/Date	Sun, 5 May 2024
Section	Utama	Pageviews	2,300,000
Headline	DSA-NATSEC 2024 sasar urus niaga, MoU bernilai RM8.1 billion		
URL	https://malaysiagazette.com/2024/05/05/dsa-natsec-2024-sasar-urus-niaga-mou-bernilai-rm8-1-billion/		



DSA-NATSEC 2024 sasar urus niaga, MoU bernilai RM8.1 billion



KUALA LUMPUR – Pameran Perkhidmatan Pertahanan Asia (DSA) dan Pameran Keselamatan Kebangsaan (NATSEC) Asia 2024 yang akan membuka tirai esok mensasarkan urus niaga dan kontrak berjumlah RM8.1 bilion.

Menteri Pertahanan Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, daripada jumlah sasaran itu, Kementerian Pertahanan akan terlibat dalam urus niaga kontrak dan perjanjian berjumlah RM6 bilion.

“Untuk sasaran urusan DSA pada kali ini, kita memang sudah mengenal pasti beberapa kontrak dan perjanjian yang akan ditandatangani bagi pihak Kementerian Pertahanan,” katanya dalam sidang media hari ini.

Beliau berkata demikian selepas mengadakan walkabout memantau persiapan terakhir pameran tersebut bersama Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail di Pusat Pameran Perdagangan Antarabangsa (MITEC) di Jalan Duta hari ini.

Pameran dwitahunan itu sudah masuk edisi ke-18 tahun ini.

Dalam pada itu dalam sidang media sama, Saifuddin Nasution berkata, bagi pihak Kementerian Dalam Negeri sebanyak 14 kontrak memorandum persefahaman (MoU) dan urusan niaga bernilai RM2.1 billion dijangka dimeterai dalam pameran tersebut.

Pameran DSA-NATSEC 2024 kali ini akan berlangsung selama empat hari bermula 6 hingga 9 Mei ini di Pusat Pameran Perdagangan Antarabangsa Malaysia (MITEC), Jalan Duta, ibu negara.

Sebelum ini dalam Pameran DSA dan NATSEC edisi ke-17 pada 2022, Kementerian Pertahanan telah menandatangani 54 kontrak dan MoU pertahanan bernilai RM4.6 billion.

Manakala KDN dalam pameran itu telah satu MoU dan lapan kontrak keselamatan bernilai RM2.596 billion.-
MalaysiaGazette